

31/01/2001

Felcra mahu sertai industri pembuatan

FELCRA Bhd (Felcra) akan mempelbagaikan kegiatannya dengan membabitkan diri dalam sektor industri pembuatan mulai tahun ini bagi memastikan peserta mendapat pulangan lumayan.

Pengerusinya, Senator Datuk Hamzah Zainuddin, berkata antara bahan mentah yang boleh digunakan untuk menyokong industri itu ialah kelapa sawit dan getah.

Beliau berkata, sektor industri pembuatan itu mampu meningkatkan pendapatan peserta walaupun ketika harga komoditi getah dan kelapa sawit terlalu rendah.

"Untuk itu, selain menghasilkan minyak masak, kita boleh menggunakan komponen buah kelapa sawit untuk diproses menjadi sabun dan syampu.

"Kita percaya langkah yang diambil dengan mempelbagaikan kegiatannya ekonomi, ia mampu membantu peserta meningkatkan pendapatan.

"Selain itu, kita juga tidak akan berdepan masalah mendapatkan bekalan kerana ladang yang dimiliki mampu menyediakan sumber mencukupi," katanya kepada Berita Harian selepas menghadiri majlis makan malam Keluarga Ipoh Barat di Ipoh, malam kelmarin.

Turut hadir Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid.

Menurutnya, selain membabitkan diri dalam sektor industri pembuatan, Felcra juga bercadang menyediakan latihan kemahiran kepada peserta untuk meningkatkan minda dan produktiviti mereka.

Beliau yakin Felcra yang baru dikorporatkan mampu meningkatkan daya saingnya kerana syarikat itu mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh.

"Sebenarnya Felcra mempunyai banyak aset yang boleh digunakan untuk meningkatkan prestasi perniagaan syarikat ini.

"Sehingga kini, Felcra mempunyai aset bernilai RM700 juta dan menerima pendapatan tahunan sebanyak RM1 bilion," katanya.

Terdahulu, Azmi dalam ucapannya berkata, kementerian itu melantik Hamzah sebagai Pengerusi Felcra baru-baru ini kerana yakin dengan kebolehannya sebagai tokoh korporat.

Menurutnya, pelantikan itu tidak ada kena mengena dengan pelantikannya sebagai Senator oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

"Ini berlaku secara kebetulan saja dan saya berharap Hamzah dapat memikul tanggungjawab berat ini.

"Saya memerlukan khidmatnya membantu meningkatkan prestasi badan korporat yang besar ini," katanya.

(END)